

B B225 AAB  
PARLIMEN-PNB

KUALA LUMPUR, 10 JULAI (BERNAMA) -- NILAI SAHAM YANG DIBELI OLEH PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PNB) DARIPADA GUTHRIE CORPORATION (PLC) DI LONDON PADA TAHUN 1981 KINI MENINGKAT HAMPİR EMPAT KALI GANDA PADA 20 JUN LEPAS, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMDA BERKATA SAHAM SEJUMLAH 51,475,000 ITU YANG DIBELI PADA HARGA \$2.50 SESAHAM DALAM TAHUN TERSEBUT, KINI HARGA PASARANYA IALAH \$9.25 (230 PENCE) SESAHAM.

PEGANGAN PNB DALAM MODAL TERBITAN GUTHRIE YANG DIBUAT MENERUSI GUTHRIE HOLDINGS LTD (GHL), YANG DITUBUHKAN OLEH PNB, IALAH 62.8 PERATUS DENGAN KOS PELABURAN BERNILAI \$129.2, KATANYA KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG).

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA GUTHRIE TELAH MENGUMUMKAN DIVIDEN PADA TAHUN 1986 SEBANYAK 3.2 PENCE SESAHAM BAGI SETIAP SAHAM 25 PENCE.

BELIAU BERKATA SEHINGGA 30 JUN LALU, PELABURAN PNB DI SEBERANG LAUT SELAIN DALAM GUTHRIE CORPORATION, MELIBATKAN DUA LAGI SYARIKAT IAITU HARRISONS & CROSFIELD PLC (H&C) DAN AMALGAMATED METAL CORPORATION LTD (AMC).

SYARIKAT-SYARIKAT GUTHRIE DAN H&C DISENARAikan DI PASARAN SAHAM LONDON SEMENTARA AMC TIDAK DISENARAikan. -- LAGI  
1705MST 10 07 87

B B232 AAB  
PARLIMEN-PNB 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEGANGAN PNB DALAM H&C IALAH 7.59 PERATUS YANG MELIBATKAN 9,425,108 SAHAM PADA NILAI KOS PELABURAN \$174.3 JUTA ATAU PADA \$18.49 SESAHAM.

KATANYA HARGA PASARAN H&C PADA 20 JUN LALU IALAH 590 PENCE ATAU \$23.60.

DIVIDEN PADA TAHUN 1986 YANG DIUMUMKAN OLEH H&C IALAH 22 PENCE SESAHAM BAGI SETIAP SAHAM SATU PAUN, KATA BELIAU.

MENGENAI PEGARANG PNB DALAM AMC, BELIAU BERKATA PEGANGAN ITU IALAH 3.64 PERATUS YANG MELIBATKAN 654,750 SAHAM PADA KOS \$6.0 JUTA ATAU \$9.16 SESAHAM. TIADA DIVIDEN DIKELUARKAN OLEH AMC PADA TAHUN 1986.

MENYENTUH TENTANG MENGAPA PNB MEMBUAT PELABURAN DI LUAR NEGERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PENGALAMAN BEBERAPA PERBADANAN PELABURAN NEGARA (STATE INVESTMENT COPORATIONS) DI LAIN-LAIN NEGARA, MENUNJUKKAN PENTINGNYA PELABURAN TIDAK DIBUAT DALAM NEGERI SENDIRI SAHAJA TETAPI JUGA DI NEGARA ASING. -- LAGI  
1721MST 10 07 87

D500

B B233 AAB  
PARLIMEN-PNB 3 KUALA LUMPUR

DENGAN ITU JIKA SESUATU BERLAKU YANG MENURUNKAN PENDAPATAN DI NEGARA SENDIRI, HASIL PELABURAN DI NEGARA ASING DAPAT MENAMPUNG PULANGAN YANG KURANG BAIK DI NEGARA SENDIRI, TAMBAHNYA.

KATANYA FENOMENA INI LEBIH KERAP BERLAKU BAGI NEGARA YANG TERLALU BERGANTUNG KEPADA SATU KATEGORI EKSPORT SAHAJA SEPERTI BAHAN MENTAH.

APABILA HARGA BAHAN MENTAH JATUH, PENGELUAR AKAN RUGI TETAPI PEMBELI AKAN UNTUNG DAN SEBALIKNYA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERKATA SEBUAH NEGARA PENGELUAR MINYAK PETROLEUM TELAH DAPAT MENAMPUNG SEMUA KERUGIANNYA DENGAN KEUNTUNGAN DARI PELABURANNYA DALAM BIDANG INDUSTRI DI NEGARA-NEGARA MAJU.

+SEPERTIMANA YANG KITA TAHU DI MASA SAHAM-SAHAM DI NEGARA INI JATUH DENGAN TERUKNYA, BURSA-BURSA SAHAM DI NEGARA MAJU MENGALAMI KEMAJUAN YANG LUAR BIASA,+ KATA BELIAU. -- LAGI  
1722MST 10 07 87

B B235 AAB  
PARLIMEN-PNB 4 KUALA LUMPUR

KEPADA SOALAN TAMBAHAN ENCIK MOHAMED SAM SAILAN (BN-MUAR), SAMA ADA PNB AKAN MENAMBAH DAN MELUASKAN PELABURAN DI LUAR NEGERI, BELIAU BERKATA PNB MEMPUNYAI PENDIRIAN TERBUKA MENGENAI PEMBELIAN SAHAM DI LUAR NEGERI SAMA ADA DI NEGARA YANG SUDAH DILABUR ATAU NEGARA-NEGARA LAIN.

KATANYA SEBARANG LANGKAH UNTUK MELABUR ATAU TIDAK, ADALAH BERGANTUNG SAMA ADA PELABURAN YANG HENDAK DIBUAT DAPAT MEMBERI KEUNTUNGAN ATAU TIDAK.

-- BERNAMA  
1723MST 10 07 87